

# e-BULETIN

## BIL 2/2018



# ISI

# KANDUNGAN

## PERKARA

## MUKASURAT

<b>BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN</b>	<b>.....02</b>
<b>BAHAGIAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI</b>	<b>.....03</b>
<b>UNIT INTEGRITI</b>	<b>.....09</b>
<b>BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA</b>	<b>.....14</b>
<b>UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN INOVASI</b>	<b>.....19</b>

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PELUPUSAN ASET DI KEDIAMAN  
KETUA MENTERI PULAU PINANG

11 JULAI 2018



# BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)

## LAWATAN YAB KETUA MENTERI PULAU PINANG KE BPEN 23 MEI 2018

Lawatan YAB. Ketua Menteri Pulau Pinang ke BPEN telah diadakan pada 23 Mei 2018. Lawatan tersebut julung kali diadakan selepas YAB. Ketua Menteri, Tuan Chow Kon Yeow dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang lalu. Dalam lawatan tersebut, YAB. Ketua Menteri sempat berkenal-kenalan dengan semua pegawai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Beliau turut menyampaikan amanat dan harapan beliau dalam memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri berdaya maju.



# BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)

## BENKEL PENYERAGAMAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)

25 MEI 2018

Bengkel Penyeragaman SST telah dilaksanakan pada 25 Mei 2018 bertempat di Bilik Latihan Millenium, Paras 24, KOMTAR. Tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk menghasilkan format yang standard dan selaras dengan Pekeliling yang berkuatkuasa. Bengkel tersebut dihadiri oleh seramai 46 orang pegawai di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



# BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)

**LAWATAN KERJA DIPLOMA IN DIPLOMACY (DID) 2018  
DARIPADA INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR  
NEGERI (IDFR), KEMENTERIAN LUAR NEGERI  
5 - 6 JULAI 2018**

Lawatan Kerja Peserta Diploma in Diplomacy (DiD) 2018 daripada Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) ke BPEN telah diadakan pada 5 hingga 6 Julai 2018. Program tersebut telah dihadiri oleh seramai 20 orang pegawai yang terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang sedang menjalani latihan intensif sebelum ditugaskan buat pertama kali sebagai Perwakilan Diplomatik Malaysia ke luar negara.



Lawatan tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan pelan-pelan pembangunan negeri di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri. Lawatan tersebut amat bermanfaat dalam memberi pendedahan dan persediaan kepada peserta sebelum bertugas di luar negara.

# BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)

## **PROGRAM WORLD HALAL PRODUCT AND EXHIBITION 2018 (WORLD HAPEX 2018) 12-15 JULAI 2018**

Penyertaan ke World HAPEX 2018 yang bertempat di Hatyai, Wilayah Songkhla, Thailand adalah untuk mendapat pendedahan untuk meningkatkan peluang perniagaan dengan usahawan dan pengusaha industri halal di Hatyai, Thailand dan juga pengusaha-pengusaha industri dari negara-negara ASEAN yang mengambil bahagian dalam pameran ini.

Penyertaan ke Program Pameran The 4th BIMP-EAGA & IMT-GT Trade Expo, Conference and Business Matching 2018 adalah untuk memberi pendedahan dan peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk meneroka peluang pasaran eksport di kawasan BIMP-EAGA & IMT-GT.

## **PROGRAM PAMERAN THE 4TH BIMP-EAGA & IMT-GT TRADE EXPO, CONFERENCE AND BUSINESS MATCHING 2018 19-22 JULAI 2018**

## **PROGRAM AGRIBUSINESS INTERNATIONAL CONFERENCE 2018 (AGIC 2018) 20-23 JULAI 2018**

Penyertaan ke AGIC 2018 di Jakarta, Indonesia adalah untuk mendapatkan ilmu dan pengalaman daripada Indonesia yang merupakan peneraju pengeluar makanan dan pertanian pasaran global.

# BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)

## LAWATAN KERJA MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG 31 JULAI 2018

Kunjungan lawatan daripada Maktab Turus Angkatan Tentera diadakan bertempat di Auditorium F, KOMTAR. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam peranan, tugas, perancangan dan pencapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang.





# BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI (BPEN)

## **PROGRAM TAKLIMAT & PAMERAN PENGGUNA PERSATUAN SAHABAT PENGGUNA PULAU PINANG 19 OGOS 2018**

Program taklimat & pameran pengguna ini diadakan bertempat di Pusat Aktiviti Sahabat Belia R&R Bagan Ajam. Program ini bertujuan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada jawatankuasa pertubuhan bersama jemputan daripada pelbagai pertubuhan lain. Selain daripada itu, program tersebut bertujuan untuk mengetahui hak-hak sebagai seorang pengguna. Taklimat kepenggunaan ini, dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Negeri Pulau Pinang

## **PROGRAM MEMPERKASAKAN "ROADMAP" USAHAWAN KOPERASI NEGERI PULAU PINANG 27, 28 OGOS & 10 SEPTEMBER 2018**

Program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada usahawan mengenai amalan-amalan dalam mencari rezeki dalam bidang keusahawanan.

## **PROGRAM PROMOSI GERAKAN KOPERASI PULAU PINANG SEMPENA PERARAKAN HARI KEBANGSAAN KALI KE-61 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG. 31 OGOS 2018**

Program ini diadakan adalah untuk mempromosikan "Gerakan Koperasi Negeri Pulau Pinang" kepada masyarakat dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang faedah dan kebaikan serta semangat kerjasama dalam amalan berkoperasi.

# UNIT INTEGRITI

## PROGRAM TAHSIN INTEGRITI SIRI 1 TAHUN 2018 18 MEI 2018

Program Tahsin Integriti Siri 1 Tahun 2018 telah diadakan pada 18 Mei 2018 (Jumaat) bersamaan 2 Ramadhan bertempat di Auditorium A, Paras 5, KOMTAR. Bagi program kali ini, Unit Integriti PSUKPP telah menjemput Tn.Syeikh Mohd. Rasydan Bin A. Rahman iaitu pegawai Dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman.

Penceramah kali ini telah berkongsi mengenai 'Integriti : Integriti & Ramadhan Berpisah Tiada'. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan, kesedaran dan bimbingan kepada para peserta mengenai kepentingan integriti dalam kehidupan seharian. Peserta program juga dapat menjadikan program ini medium untuk pengisian dan penambahbaikan integriti melalui rohani, spiritual dan personaliti para peserta untuk menjadi insan yang berintegriti. Program ini telah dihadiri oleh 280 orang peserta dari pelbagai Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Negeri.



# UNIT INTEGRITI

## PROGRAM TAHSIN INTEGRITI SIRI 2 TAHUN 2018 8 JUN 2018

Program Tahsin Integriti Siri 2 Tahun 2018 telah diadakan pada 8 Jun 2018 (Jumaat) bertempat di Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah. Bagi program kali ini, Unit Integriti PSUKPP telah menjemput Tn. Syeikh Mohd. Rasydan Bin A. Rahman iaitu pegawai Dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman.

Penceramah kali ini telah berkongsi mengenai "Mengekalkan Standard Integriti Selepas Ramadhan". Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan, kesedaran dan bimbingan kepada para peserta mengenai kepentingan integriti dalam kehidupan seharian. Peserta program juga dapat menjadikan program ini medium untuk pengisian dan penambahbaikan integriti melalui rohani, spiritual dan personaliti para peserta untuk menjadi insan yang berintegriti. Program ini telah dihadiri oleh 150 orang peserta dari pelbagai Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Negeri.



# UNIT INTEGRITI

## PROGRAM 1ST CLASS INTEGRITY TAHUN 2018 17 - 18 JULAI 2018

Penganjuran Kursus 1st Class Integrity adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran terhadap keperluan dan kepentingan integriti dalam tindakan seharian termasuklah urusan penyampaian perkhidmatan. Selain itu, kursus ini akan merangsang motivasi dalaman para peserta untuk menjadi insan yang berkualiti dan unggul. Kursus 1st Class Integrity Siri 1 Tahun 2018 telah diadakan selama dua hari iaitu pada 17 hingga 18 Julai 2018 bertempat di Hotel Seri Malaysia.

Peserta-peserta adalah daripada kalangan gred 11 hingga gred 52 pelbagai skim. Kehadiran peserta adalah seramai 45 orang yang terdiri daripada pelbagai bahagian/ unit SUK Pulau Pinang dan Jabatan Negeri.



UNIT

# INTEGRITI

## PROGRAM BICARA INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM SIRI KE 3 TAHUN 2018 8 OGOS 2018

Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam merupakan sebuah platform terbaik untuk para pegawai meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai pengurusan perkhidmatan awam yang asas seperti pengurusan perolehan, kewangan, aset, stor, pengurusan pentadbiran am dan pengurusan sumber manusia melalui perkongsi penemuan audit dan siasatan kes Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sehubungan dengan itu, Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam Siri 3 Tahun 2018 telah diadakan pada 8 Ogos 2018 (Rabu) bertempat di Auditorium C, Paras 5 KOMTAR.

Program Bicara Integriti Perkhidmatan Awam Siri 3 tahun 2018 kali ini bertajuk "Sepandai-pandai Tupai Melompat Akhirnya Jatuh Ke Tanah Jua. Objektif program adalah untuk membimbing dan membendung penjawat awam daripada melakukan kesilapan atau sebarang pelanggaran undang-undang dalam melaksanakan pengurusan pentadbiran Kerajaan terutamanya melibatkan kewangan, prosedur kerja, etika dan kelakuan. Melalui pendedahan yang diberikan daripada penceramah jemputan, para peserta turut mendapat kesedaran dan mesej bahawa pentadbiran awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti melalui pembudayaan dan amalan kerja yang betul serta beretika.

Peserta-peserta adalah daripada kalangan gred 11 hingga gred 48 pelbagai skim. Kehadiran peserta adalah seramai 100 orang yang terdiri daripada pelbagai bahagian/ unit SUK Pulau Pinang dan Jabatan Negeri.

Kesimpulannya, melalui program ini para pegawai dapat membendung daripada melakukan kesilapan atau sebarang bentuk pelanggaran undang-undang dalam pelaksanaan pengurusan pentadbiran Kerajaan terutamanya melibatkan kewangan, prosedur kerja dan etika dan tatakelakuan. Program ini akan mewujudkan pentadbiran awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui pembudayaan dan amalan kerja yang betul dan beretika.



UNIT

# INTEGRITI

## KURSUS SIKAP KERJA POSITIF ANJURAN BERSAMA UNIT INTEGRITI PSUKPP DAN INSTITUT INTEGRITI NEGERI PULAU PINANG (IINPPI) 14 OGOS 2018

Kursus Sikap Kerja Positif telah dianjurkan pada 14 Ogos 2018 (Selasa) bertempat di Hotel Seri Malaysia Kepala Batas SPU. Kursus ini menfokuskan kepada 3 modul utama iaitu Konsep Sikap: Amalan & Tanggapan, Mengenal Diri: Konsep Diri Positif dan Motivasi & Keyakinan Diri.

Peserta-peserta adalah daripada kalangan gred 11 hingga gred 48 pelbagai skim. Kehadiran peserta adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada pelbagai bahagian/ unit SUK Pulau Pinang dan Jabatan Negeri.



# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## PROGRAM TRAINING OF TRAINERS PEMENTORAN TAHUN 2018

2-3 MEI 2018

55 mentor dan 58 mentee dari 17 Jabatan di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah terlibat dalam Program TOTs Pementoran Tahun 2018. Jangka masa perjalanan program mentor dan mentee adalah bermula dari bulan Jun sehingga Disember. Program TOTs Pementoran merupakan satu pendekatan untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara profesional oleh mentor (pegawai yang terlatih, berkemahiran dan beretika) bagi pembangunan diri mentee (pegawai yang memerlukan bimbingan). Pendekatan ini melibatkan aktiviti perhubungan, pemindahan kemahiran personal dan profesional seorang pegawai dalam jangka masa yang ditetapkan.



# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

**PROGRAM PRA AKRAB TAHAP 1 & 2 TAHUN 2018  
26-28 JUN 2018 DAN 10-12 JULAI 2018**

Seramai 25 ahli AKRAB baharu telah dicalonkan dari jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencukupi nisbah bilangan AKRAB jabatan/agensi yang sedia ada. Program AKRAB adalah salah satu Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi melalui Program Pengupayaan Kendiri (PPK) yang merupakan kaedah dalam mengurus sumber manusia bagi mempertingkatkan kecemerlangan diri pegawai. Program ini merangkumi aspek penilaian, pembangunan, khidmat bimbingan, khidmat nasihat, sokongan dan penambahbaikan kepada pegawai itu sendiri.





# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## BENKEL MOTIVASI KERJA SIRI 2 18-19 JULAI 2018

Berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005; Panduan Aplikasi Psikologi dalam Pengurusan Sumber Manusia iaitu aplikasi psikologi dalam pembangunan merupakan satu daripada empat elemen bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan kepuasan di tempat kerja. Ia secara tidak langsung meningkatkan produktiviti dan komitmen terhadap kerja dan organisasi.

Bengkel Motivasi Kerja ini dirangka bagi memberikan kesedaran kepada penjawat awam tentang peranan dan tanggungjawab mereka di dalam organisasi. Bengkel yang berkonsepkan motivasi kerja ini dicadangkan supaya pelaksanaannya dijalankan sebanyak dua (2) kali setahun.



# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

**PROGRAM PENGURUSAN PERUBAHAN  
31 JULAI 2018**

Pelaksanaan Program Pengurusan Perubahan merupakan satu program transformasi iaitu persediaan penjawat awam Negeri Pulau Pinang untuk menerima perubahan budaya kerja dari aspek psikologi iaitu kognitif, emosi dan tingkahlaku.

Perubahan atau peralihan berlaku apabila sesuatu rancangan dilaksanakan oleh jabatan/agensi bagi menggerakkan penjawat awam ke arah lebih baik. Pada peringkat ini kebiasaannya akan berlaku perubahan seperti pembentukan gelagat, nilai, sikap, struktur yang baru atau lebih baik dan berlakunya perubahan individu yang memberi impak baik kepada jabatan/agensi secara keseluruhan.

Objektif program ini memberi pendedahan kepada pegawai mengenai konsep, prinsip, falsafah serta peraturan-peraturan asas sistem pentadbiran jabatan/agensi. Pendedahan nilai budaya kerja cemerlang juga diterapkan agar penjawat awam dapat menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan serta menjadi penjawat awam yang mempunyai minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.



# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## PROGRAM PEMANTAPAN AKRAB PULAU PINANG 3-5 JULAI 2018

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan empat kompetensi AKRAB yang terdiri daripada peribadi, sosial, organisasi dan profesional. Program ini juga memberikan pendedahan dan latihan psikologi bagi memberikan akreditasi yang bertauliah kepada AKRAB. Selain itu, program ini bakal meningkatkan semangat dan kerjasama di kalangan ahli AKRAB.

Selain itu, ia dilaksanakan bagi memupuk rasa tanggungjawab dan kerjasama dikalangan ahli AKRAB Pulau Pinang ke arah memastikan visi dan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang tercapai. Selaras dengan Dasar Pemisah (Exit Policy), objektif program adalah lebih kepada pendekatan untuk ahli-ahli AKRAB yang dilantik sebagai AKRAB CARE bagi memantau pegawai yang bermasalah. Kaedah penggunaan teknik Neuro-Linguistic Programming (NLP) juga diperkenalkan di dalam program ini bagi mengenali potensi individu dan cara bagaimana mereka melihat keadaan sekeliling.

Objektif di akhir program, peserta akan berupaya memahami dan mempelajari pendekatan teknik dalam komunikasi, membina perhubungan berteraskan elemen psikologi dan fisiologi. Disamping itu, peserta turut mempelajari cara berkomunikasi secara berkesan di tempat kerja dan memahami penggunaan komunikasi dalam kerjaya




UNIT  
**KOMUNIKASI KORPORAT  
DAN INOVASI**

**10TH PUBLIC SPEAKING CONTEST  
5 JULAI 2018**

*Congratulations*

10TH PUBLIC SPEAKING CONTEST WINNERS 2018



Consolation

**1st : Mansheel Kaur a/p Jasbir Singh  
(Penang Public Library Corporation)**

**2nd : Ambika Devi Daran**

**( Management Services Division, Penang State Secretariat)**

**3rd : Mohanavalli a/p S.Ganassagaran**

**(Local Government Division, Penang State Secretariat)**

**Consolation : Radziah Othuman Sahib (Penang Museum Board)**

**Siti Zaleha Binti Johari (PlanMalaysia)**



UNIT  
**KOMUNIKASI KORPORAT  
DAN INOVASI**

**ENGLISH WORKSHOP**

*English Workshops...*

**Customer Care Workshop  
14-15 August 2018  
Penang State Museum**

**English In Action 1 Workshop  
27 August 2018  
Penang Institute**





PARAS 25 KOMTAR, 10503 , PULAU PINANG

TEL : 04-6505147/5688 FAKS : 04-2634940

EMEL : [webmaster@penang.gov.my](mailto:webmaster@penang.gov.my)

powered by



**PIKTOCHART**